



**PELAN
TRANSFORMASI
JABATAN KEHAKIMAN
SYARIAH SELANGOR
2017 - 2020**





ISI KANDUNGAN

Aspirasi Ketua Hakim Syarie.....	3
Visi, Misi Dan Moto.....	4
Kamus Transformasi.....	5
Apa Itu Transformasi.....	6
Penjajaran JAKESS.....	7
Definisi Transformasi.....	8
Tadbir Urus Transformasi.....	10
Fokus Transformasi.....	12
Inisiatif Mengikut Teras Strategik	
Ts 1: 'Delighting Customer Initiative'.....	13
Ts 2: Alternatif Penyelesaian Pertikaian.....	17
Ts 3: Pemerksaan Nafkah.....	20
Jawatankuasa Pelan Transformasi JAKESS.....	24



ASPIRASI KETUA HAKIM SYARIE



Berbagai-bagai inisiatif penambahbaikan dan pembaharuan dalam menggerakkan pentadbiran dan pengurusan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) yang bertanggungjawab mengendalikan institusi kehakiman dan perundangan Syariah di Negeri Selangor telah

diperkenalkan oleh JAKESS bagi meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan JAKESS pada masyarakat. Keadaan ini telah memberi impak yang positif terhadap imej peningkatan awam. Refleksi kejayaan penyampaian perkhidmatan JAKESS hanya boleh ditunjukkan melalui keupayaan memenuhi keperluan rakyat dan ekspektasi stakeholder yang berkaitan.

JAKESS komited untuk terus memantapkan kapasiti organisasi agar dapat merealisasikan transformasi penyampaian perkhidmatan sektor awam secara cekap dan berkesan dengan menawarkan produk-produk terbaik mengikut keperluan semasa. Transformasi diperlukan disebabkan perubahan landskap dan sosio budaya masyarakat setempat yang begitu pantas, ekstrim dan kompleks yang akan menjadi pelanggan kepada JAKESS. Oleh yang demikian, Pelan Transformasi ini telah digarap selaras dengan aspirasi negara dan negeri serta berpandukan kepada Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam (KTPA). Selain itu, Pelan ini juga bertunjangkan kepada 4 Teras Startegik Jabatan JAKESS dibawah Pelan Startegik 2015-2020 iaitu Teras Pertama: Memantapkan Pentadbiran Kehakiman dan Perundangan Syariah Ke Arah Mendaulatkan Syariat Islam, Teras Kedua: Mempertingkatkan Tadbir Urus Ke Arah Kecemerlangan Organisasi Seajar Dengan Etika Perkhidmatan Awam, Teras Ketiga: Memperkasakan Keupayaan Dan Kapasiti Bagi Meningkatkan Kecekapan Dan Keberkesanan Organisasi dan Teras Ketiga: Meningkatkan Imej Jabatan Dan Kefahaman Masyarakat Terhadap Perundangan Syariah bagi Mencapai Matlamat Keunggulan Organisasi. Adalah diharapkan Pelan Transformasi ini akan merealisasikan visi JAKESS.



VISI, MISI, MOTO

VISI

MENJADI INSTITUSI KEHAKIMAN SYARIAH YANG TERUNGGUL DI MALAYSIA PADA TAHUN 2020 YANG BERTERASKAN KEPADA KEADILAN ISLAM

MISI

MELAKSANAKAN PENGADILAN DAN PENGURUSAN MAHKAMAH SYARIAH SECARA BERKESAN DAN SISTEMATIK BERASASKAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

MOTO

SYARIAH ASAS KEADILAN



KAMUS TRANSFORMASI

TERMA	TAKRIFAN
Transformasi	Perubahan bentuk seperti sifat, rupa dan keadaan.
Perkhidmatan Awam	Perkhidmatan yang diberikan oleh Kerajaan yang melibatkan jentera pentadbiran di peringkat Persekutuan dan Negeri.
Kerangka Kerja Transformasi Perkhidmatan Awam	Asas kepada pelaksanaan transformasi agensi berdasarkan kerangka yang telah dibangunkan oleh JPA sebagai panduan.
Teras Strategik	Asas kepada perancangan pelaksanaan transformasi perkhidmatan awam yang diterjemahkan berdasarkan visi dan hala tuju organisasi yang berperanan untuk mengemudi pelan transformasi bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.
Langkah Strategik	Keutamaan strategik yang merupakan perincian kepada teras strategik yang perlu disesuaikan dengan hala tuju, visi, misi, nilai dan strategi korporat agensi masing-masing dalam usaha menjayakan transformasi perkhidmatan awam.
Quick Wins	Inisiatif jangka pendek untuk memulakan langkah pelaksanaan transformasi perkhidmatan awam bagi mencapai keberhasilan dalam tempoh masa terdekat.
Inisiatif	Aktiviti atau projek yang dirancang untuk dilaksanakan bagi mengatasi masalah jurang prestasi agensi (perbezaan hasil sebenar berbanding dengan sasaran) dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.
Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Nilai yang boleh diukur bagi menunjukkan keberhasilan nyata inisiatif yang dilaksanakan dalam merealisasikan transformasi perkhidmatan awam.




APA ITU TRANSFORMASI?

DARI	KEPADA
Kerajaan menentukan	Rakyat menentukan
Mentadbir untuk rakyat	Mentadbir bersama rakyat
Pentadbiran secara silo	Pentadbiran secara rangkaian
Organisasi awam besar, gergasi (all in one)	Organisasi awam kecil, fleksibel, entity berfokus (purpose – driven)
Kerajaan selaku penyampaian perkhidmatan	Kerajaan selaku pemudah cara perkhidmatan
Kerajaan memiliki input dan proses	Kerajaan dan rakyat fokus pada keberhasilan
Mengukur output	Mengukur keberhasilan
Kerjasama secara paksaan berdasarkan penguatkuasaan	Saling kerjasama (kolaborasi) berdasarkan kepercayaan
Strong Leadership	Servant Leadership



PENJAJARAN JAKESS





DEFINISI TRANSFORMASI

Merujuk kepada perubahan bentuk seperti sifat, rupa dan keadaan. Dari segi konteks transformasi perkhidmatan awam, perubahan ini melibatkan tindakan, sifat dan persekitaran yang berlaku secara tersusun dan bertahap mengikut perancangan yang ditetapkan dalam usaha untuk mencapai keberhasilan strategik.





DEFINISI TRANSFORMASI

Pembangunan Kapasiti

Kesiapsiagaan modal insan dalam melaksanakan fungsi organisasi.

Penyampaian Perkhidmatan

Penambahbaikan arkitektur perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta persekitaran kerja.

Perhubungan Pelanggan

Pendekatan *delighting the customer* sebelum, semasa dan selepas perkhidmatan disediakan yang memenuhi keperluan fizikal, penyampaian dan emosi.

Tadbir Urus

Fungsi dan struktur yang sesuai untuk memastikan kejayaan di peringkat perancangan, pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan.



TADBIR URUS TRANSFORMASI JAKESS

JAWATANKUASA	<ul style="list-style-type: none">• JAWATANKUASA PEMANDU KUALITI, INOVASI DAN TRANSFORMASI• JAWATANKUASA PELAN TRANSFORMASI
MESYUARAT	<ul style="list-style-type: none">• MESYUARAT PENGURUSAN TERTINGGI.• MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU KUALITI, INOVASI DAN TRANSFORMASI• MESYUARAT JAWATANKUASA PELAN TRANSFORMASI
SISTEM	<ul style="list-style-type: none">• E-RESULT



TADBIR URUS TRANSFORMASI JAKESS

JAWATANKUASA PEMANDU KUALITI, INOVASI DAN TRANSFORMASI

OBJEKTIF

Menjadikan JAKESS sebagai sebuah Institusi Kehakiman Syariah yang mendepani (leading ahead).

Memastikan semua aspek transformasi dilaksanakan di JAKESS.

Memantau dan memandu hala tuju program kualiti, inovasi dan transformasi Jabatan Kehakiman Syariah Selangor supaya selaras dengan Aspirasi, Visi, Misi dan fungsi utama jabatan

JAWATANKUASA PELAN TRANSFORMASI

OBJEKTIF

Menggerakkan kajian lapangan bersama stakeholder/pelanggan/warga kerja untuk dijadikan sebagai input kepada Pelan Transformasi.

Menggubal Pelan Transformasi.

Melaksanakan usaha promosi dan hebahan Pelan Transformasi kepada warga kerja.

Memantau dan menyediakan laporan pelaksanaan Pelan Transformasi Jabatan

Membuat kajian semula Pelan Transformasi Jabatan.



FOKUS TRANSFORMASI

'DELIGHTING
CUSTOMER
INITIATIVES'

- Usaha Pemerksaan Perkhidmatan Kaunter

ONE STOP
CENTRE

- Pementapan Proses Pendaftaran Kes

PENDAFTARAN
BORANG ONLINE

PEMBAYARAN
SECARA ONLINE

FOCUS

ALTERNATIF
PENYELESAIAN
PERTIKAIAN

- Melaksanakan Kolaborasi Strategik Dengan Agensi Lain

#KOMUNITI
SULH

- Penyelesaian Kes Sulh Melalui kombinasi Mediasi Dan Timbangtara

#MED-ARB

MEMPERKASA
PERINTAH
NAFKAH

- Menyebarkan Maklumat Bahagian Sokongan Keluarga Kepada Masyarakat

#RAKAN
BSK

- Mengeluarkan Perintah Nafkah Sejurus Selepas Kes Perceraian Diputuskan

#PERINTAH
NAFKAH WAJIB

- Mewujudkan Mekanisme Khas Bagi Membantu Anak Yang Tidak Mendapat Nafkah

DANA CSR BSK



TERAS STRATEGIK 1

LANGKAH STRATEGIK 1

Usaha Pemerkasaan Perkhidmatan Kaunter

Inisiatif Pewujudan Pusat Perkhidmatan Setempat

LANGKAH STRATEGIK 2

Pemantapan Proses Pendaftaran Kes

Inisiatif 1

Perkhidmatan Pengisian Borang Atas Talian

Inisiatif 2

Pendaftaran dan Pembayaran Atas talian Melalui Sistem *E-Syariah Versi 3*





TERAS STRATEGIK 1

LANGKAH STRATEGIK 1

USAHA PEMERKASAAN PERKHIDMATAN KAUNTER

BIL.	INISIATIF	KETERANGAN	KPI / OUTPUT	OUTCOME
1.	<p>Pewujudan Pusat Perkhidmatan Setempat (One Stop Centre).</p> <p>Tarikh Mula : 2018</p> <p>Tarikh Akhir : 2020</p> <p>Tindakan :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bahagian Pembangunan; 2. Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi; 3. Bahagian Pengurusan dan Pendaftaran Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan Syariah; dan 4. Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam. 	<p>Inisiatif ini adalah bagi memastikan pelaksanaan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan komprehensif demi meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam.</p> <p>Perlaksanaan Pusat Setempat ini adalah sebagai pendekatan baru bagi memendekkan tempoh masa bagi urusan pelanggan di kaunter. Ia juga sebagai alternatif bagi mempercepatkan proses pendaftaran kes dan secara langsung dapat meningkatkan sistem pengurusan kes ke arah menzahirkan perkhidmatan yang menyeluruh, cepat dan tepat serta memenuhi kehendak pelanggan.</p>	<p>Penggabungan 4 kaunter menjadi 1 satu kaunter di bawah OSC.</p> <p>Pewujudan 9 kaunter perkhidmatan di bawah OSC.</p>	<p>Meningkatkan kepuashatian pelanggan ketika berurusan di Mahkamah.</p>



TERAS STRATEGIK 1

LANGKAH STRATEGIK 2

PEMANTAPAN PROSES PENDAFTARAN KES

BIL.	INISIATIF	KETERANGAN	KPI / OUTPUT	OUTCOME
1.	<p>Perkhidmatan Pengisian Borang Atas Talian</p> <p>Tarikh Mula : 2018</p> <p>Tarikh Akhir : 2020</p> <p>Tindakan :</p> <ol style="list-style-type: none">1. Bahagian Pembangunan;2. Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi; dan3. Bahagian Pengurusan dan Pendaftaran Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan Syariah.	<p>Inisiatif ini adalah bagi memudahkan pelanggan melengkapkan borang secara layan diri tanpa perlu berulang alik ke Mahkamah untuk berurusan di kaunter bagi tujuan pendaftaran kes.</p> <p>Inisiatif ini juga bagi memastikan semua dokumen Mahkamah dapat dibaca dengan lebih jelas apabila dicetak.</p>	80% pelanggan mengisi borang secara <i>online</i> .	<ol style="list-style-type: none">1. Urusan pendaftaran lebih cepat;2. Penjimatan masa pelanggan;3. Penjimatan kos; dan4. Pelanggan berpuashati.



TERAS STRATEGIK 1

LANGKAH STRATEGIK 2

PEMANTAPAN PROSES PENDAFTARAN KES

BIL.	INISIATIF	KETERANGAN	KPI / OUTPUT	OUTCOME
2.	<p>Pendaftaran dan pembayaran atas talian melalui sistem <i>E-Syariah Versi 3</i>.</p> <p>Tarikh Mula : 2018</p> <p>Tarikh Akhir : Berterusan</p> <p>Tindakan :</p> <ol style="list-style-type: none">1. Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi;2. Bahagian Pengurusan dan Pendaftaran Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan; dan3. Ahli Jawatankuasa Transformasi E-Syariah Versi 3.	<p>Sistem ini membolehkan pelanggan membuat pendaftaran kes dan pembayaran atas talian secara layan diri dari mana-mana tempat.</p>	<p>80% kes didaftarkan secara atas talian.</p>	<p>Mengurangkan kesesakan di kaunter dan masa menunggu pelanggan.</p> <p>Mengurangkan kebergantungan sumber manusia yang tinggi.</p>



TERAS STRATEGIK 2

LANGKAH
STRATEGIK 1

Melaksanakan Kolaborasi Strategik
Dengan Agensi lain

Inisiatif #KomunitiSulh

LANGKAH
STRATEGIK 2

Penyelesaian Kes Sulh Melalui
Kombinasi Mediasi dan Timbangtara

Inisiatif *Medarb*





TERAS STRATEGIK 2

LANGKAH STRATEGIK 1

MELAKSANAKAN KOLABORASI STRATEGIK DENGAN AGENSI LAIN

BIL.	INISIATIF	KETERANGAN	KPI / OUTPUT	OUTCOME
1.	<p>#KomunitiSulh</p> <p>Tarikh mula: 2018</p> <p>Tarikh akhir: Berterusan</p> <p>Tindakan: Bahagian Alternatif Penyelesaian Pertikaian (ADR)</p>	<p>Membuat kolaborasi dengan beberapa agensi yang mempunyai peranan dalam menguruskan Imam dan Nazir masjid iaitu JAIS dan agensi yang menguruskan ketua kampung iaitu UPEN.</p> <p>Kolaborasi ini bertujuan bagi mewujudkan perkongsian ilmu yang melibatkan undang-undang keluarga Islam dan kemahiran sulh kepada Imam/Nazir dan Ketua Kampung dalam mengendalikan pasangan yang menghadapi masalah rumahtangga.</p> <p>Inisiatif ini akan melahirkan Ketua Kampung, Imam dan Nazir yang menjadi Komuniti Sulh yang berperanan untuk membantu pasangan-pasangan yang menghadapi masalah rumahtangga di kawasan pentadbiran mereka</p>	<p>Perbincangan 2 kali setahun</p> <p>4 latihan setahun</p> <p>100 orang #KomunitiSulh diwujudkan dari kalangan imam/nazir dan ketua kampung</p>	<p>Memperkukuh hubungan antara agensi.</p> <p>Kemahiran asas mediasi dikuasai oleh Komuniti Sulh dan dapat digunakan ketika mereka dirujuk oleh pasangan-pasangan yang menghadapi masalah rumahtangga.</p> <p>Dapat mengurangkan kadar perceraian kerana permasalahan kecil dalam rumahtangga dapat diselesaikan secara baik diperingkat awal tanpa perlu ke mahkamah untuk bercerai.</p>



TERAS STRATEGIK 2

LANGKAH STRATEGIK 2

PENYELESAIAN KES SULH MELALUI KOMBINASI MEDIASI DAN TIMBANGTARA

BIL.	INISIATIF	KETERANGAN	KPI / OUTPUT	OUTCOME
1.	<p><i>Med-Arb</i></p> <p>Tarikh mula : 2017</p> <p>Tarikh akhir : Berterusan</p> <p>Tindakan : Bahagian Alternatif Penyelesaian Pertikaian (ADR)</p>	<p>Inisiatif ini merupakan satu alternatif bagi menyelesaikan pertikaian kes nafkah anak/isteri/iddah melalui gabungan proses mediasi dan timbangtara bagi mengelakkan prosiding ini diselesaikan melalui perbicaraan yang panjang dan akan melibatkan masa yang panjang, kos yang tinggi dan tenaga yang banyak.</p> <p>Kes-kes yang gagal diselesaikan di Majlis Sulh akan diteruskan dengan proses timbangtara yang akan dikendalikan oleh seorang penimbangtara yang diberi kuasa oleh pihak-pihak untuk memberi keputusan terhadap pertikaian bagi kes nafkah anak/isteri/iddah pada hari yang sama.</p>	<p>Pelaksanaan di semua lokasi Mahkamah Rendah Syariah Selangor.</p> <p>50% kes diselesaikan melalui Med-Arb di seluruh daerah.</p>	<p>Peningkatan peratus penyelesaian kes yang diselesaikan tanpa perlu melalui proses perbicaraan.</p> <p>Mengurangkan kadar kes tertunggak</p> <p>Meningkatkan kepuasan hati pelanggan kerana kes dapat diselesaikan segera.</p>



INISIATIF MENGIKUT TERAS STRATEGIK

LANGKAH STRATEGIK 1

Menyebarkan Maklumat Bahagian Sokongan Keluarga Kepada Masyarakat

Inisiatif #RakanBSK

LANGKAH STRATEGIK 2

Mengeluarkan Perintah Nafkah Anak Sejurus Selepas Kes Perceraian Diputuskan

Inisiatif Perintah Nafkah Wajib Anak

LANGKAH STRATEGIK 3

Mewujudkan mekanisma khas bagi membantu isteri / anak yang tidak mendapat nafkah

• Dana CSR Bahagian Sokongan Keluarga





TERAS STRATEGIK 3

LANGKAH STRATEGIK 1

MENGHEBAHKAN MAKLUMAT BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA KEPADA MASYARAKAT

BIL.	INISIATIF	KETERANGAN	KPI / OUTPUT	OUTCOME
1.	<p><i>#Rakan BSK</i></p> <p>Tarikh mula: 2017 Tarikh Siap: 2019 Tindakan : BSK dan UKK</p>	<p><i>#Rakan BSK</i> adalah suatu kumpulan yang bertindak untuk menyalurkan maklumat berhubung isteri atau anak yang tidak mendapat nafkah yang sewajarnya daripada suami atau bapa.</p>	<p>100 orang <i>#Rakan BSK</i> diwujudkan dari kalangan Imam/Nazir/Ketua Kampung.</p>	<p>Masyarakat mendapat maklumat berkaitan perkhidmatan BSK melalui <i>#Rakan BSK</i>.</p> <p>Pihak BSK mendapat maklumat berhubung kumpulan sasaran yang memerlukan perkhidmatan BSK</p> <p>Kumpulan sasaran mendapat perkhidmtan daripada BSK</p>



TERAS STRATEGIK 3

LANGKAH STRATEGIK 2

MENGELUARKAN PERINTAH NAFKAH ANAK SEJURUS SELEPAS KES PECERAIAN DIPUTUSKAN

BIL.	INISIATIF	KETERANGAN	KPI / OUTPUT	OUTCOME
1.	Perintah Nafkah Wajib Anak Tarikh mula: 2019 Tarikh Siap: 2020 Tindakan : J/K Khas, MRS	Mahkamah mengeluarkan Perintah Nafkah Wajib Anak sebaik sahaja kes perceraian diputuskan untuk mengelakkan kecuaiian pembayaran nafkah oleh pihak bapa.	100% Perintah Nafkah Wajib Anak yang layak dikeluarkan sejurus selepas kes perceraian diputuskan. (pelaksanaannya selepas undang-undang diwartakan).	Anak mendapat nafkah wajib tanpa perlu memfailkan permohonan kes yang berasingan.



TERAS STRATEGIK 3

LANGKAH STRATEGIK 3

MEWUJUDKAN MEKANISMA KHAS BAGI MEMBANTU ISTERI / ANAK YANG TIDAK MENDAPAT NAFKAH

BIL.	INISIATIF	KETERANGAN	KPI / OUTPUT	OUTCOME
1.	Dana CSR Bahagian Sokongan Keluarga Tarikh mula: 2017 Tarikh siap: 2020 Tindakan : BSK dan badan-badan berkaitan.	Tabung sumbangan nafkah BSK bertujuan untuk mengumpul dana bagi memberi sumbangan kepada isteri/anak yang berhak mendapat nafkah melalui kelulusan BSK tanpa perlu membayar semula.	Jumlah kutipan sekurang-kurangnya RM50,000 setahun.	Meningkatkan keupayaan BSK untuk menyalurkan sumbangan kepada pihak-pihak yang terlibat. Wanita/anak yang berhak mendapat manfaat daripada tabung tersebut.



JAWATANKUASA PENYEDIAAN PELAN TRANSFORMASI JAKESS



**TUAN FAATHIR BIN MD
TAHIR
HAKIM
MAHKAMAH RENDAH
SYARIAH SELANGOR**



**PUAN NOOR HUDA BINTI
ROSLAN
AMS.
KETUA PENDAFTAR,
JAKESS**



**TUAN ZULFIKRI BIN YASOA
HAKIM KANAN MAHKAMAH
TINGGI SYARIAH
SELANGOR**



**PUAN MASROHA BINTI
DUKI
HAKIM
MAHKAMAH RENDAH
SYARIAH SELANGOR**



**TUAN MOHD HUSNI ZAIM
BIN MOHD SAID
HAKIM
MAHKAMAH RENDAH
SYARIAH SELANGOR**



**TUAN AHMAD FAIZAL BIN
HJ TAHIRON
PEGAWAI PENYELIDIK,
JAKESS**



**TUAN MOHD TAUFIK NAIM
BIN KAMARUDIN
KETUA BAHAGIAN
LATIHAN, JAKESS**



**TUAN MOHAMAD YUSZAIRI
BIN MOHAMAD ZAM ZAM
PEGAWAI SULH, JAKESS**



**PUAN SITI MADIHAH BINTI
RUZMI
PEGAWAI PENYELIDIK,
JAKESS**



**PUAN NORALWANI BINTI
WAIMIN
PEGAWAI SULH, JAKESS**



**PUAN NORANIZAN BINTI
MOHD SUFIAN
PEGAWAI SULH, JAKESS**



**PUAN SITI AMINAH BINTI
KAMAL
PEGAWAI SULH, JAKESS**



**TUAN MOHD SOLEH BIN
BAHARI
PENOLONG PENDAFTAR,
JAKESS**